

# Reformasi cukai bukan hanya bertujuan capai belanjawan lebihan

- Ambil kira aspek ketelusan, kecekapan dan elemen keadilan masyarakat, bukan hanya untuk kurangkan paras hutang negara

- Tahun 2024 adalah tahun penting untuk pelaksanaan reformasi ekonomi dalam konteks kerangka Ekonomi MADANI



**Dia Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin**  
bhrencana@bh.com.my

Profesor Madya  
Pusat Pengajian  
Ekonomi, Kewangan  
dan Perbankan,  
Universiti Utara  
Malaysia (UUM)

Ada pepatah Inggeris menyatakan hanya ada dua perkara pasti dalam dunia, iaitu mati dan membayar cukai. Jadi, kita sebenarnya tidak boleh lari daripada membayar cukai.

Ada pelbagai sebab kenapa cukai diperkenalkan sebagai instrumen penting dalam pengurusan ekonomi sesebuah negara. Antaranya, apa yang kita selalu faham adalah supaya kerajaan mendapat hasil untuk berbelanja.

Sebenarnya, pemahaman sebegini kurang tepat berkenaan peranan cukai dalam ekonomi. Ini kerana pehentua kepada hasil kerajaan itu sendiri adalah perbelanjaan mereka. Dengan erti kata mudah, kerajaan berbelanja dahulu, baharulah mengenakan cukai dan melakukan pinjaman, bukan sebaliknya.

Ini berbeza dengan kita sebagai entiti bukan kerajaan, sama ada individu, isi rumah ataupun perniagaan. Kita perlu ada pendapatan dahulu baharulah boleh berbelanja. Ini perbezaan penting dalam pemahaman konsep kewangan antara kewangan awam dengan kewangan peribadi.

Perbezaan ini wajar dihadap sebaiknya supaya kita boleh memahami beberapa lagi konsep penting berkait dalam soal pengurusan ekonomi sesebuah negara, seperti wang, hutang kerajaan, kedaulatan monetari, percukaian dan pinjaman dibuat kerajaan.

Contoh mudah adalah hasil cukai pendapatan kerajaan. Sebelum saya membayar cukai pendapatan, saya perlu ada gaji dan gaji antara komponen dalam perbelanjaan operasi kerajaan, iaitu emolumen. Di negara ini, ia dianggarkan berjumlah RM95.6 bilion dalam Belanjawan 2024.

Apakah sebenarnya peranan cukai dalam pengurusan ekonomi sesebuah negara? Pertama, cukai penting untuk mencipta permintaan terhadap mata wang berkenaan, dalam konteks kita, ringgit.

Jika kita lihat pada perspektif sejarah, kepentingan percukaian untuk mencipta permintaan 'wang' dikeluarkan 'kerajaan' memang sudah ber-

laku sebelum kewujudan kerajaan persekutuan yang kita fahami pada hari ini dan bentuk wang yang ada pada hari ini.

Kedua, cukai juga boleh digunakan sebagai instrumen untuk mengawal inflasi, selain daripada Kadar Dasar Semalaman (OPR). Ini kerana cukai dapat mengurangkan tekanan inflasi berbentuk tarikan permintaan dengan mengawal pertumbuhan dalam penggunaan swasta terutama apabila ekonomi berada pada tahap momentum pertumbuhan terlalu pantas dan menjadikan ekonomi 'overheat'.

Namun, ia juga bergantung kepada bentuk cukai dan bagaimana dilaksanakan kerana kesannya mungkin juga boleh menaikkan kadar inflasi berbentuk tolakan kos.

Ketiga, cukai boleh digunakan untuk menga-gih semula pendapatan dan kekayaan dengan lebih adil. Jika sistem percukaian serta model pelaksanaannya bersifat progresif, maka cukai boleh menjadi alat berkesan untuk mengurangkan kesenjangan pendapatan dan harta dalam sesebuah masyarakat.

Keempat, cukai juga boleh digunakan sebagai instrumen untuk menggalakkan ataupun tidak menggalakkan sesuatu aktiviti ataupun sikap/kelakuan untuk mencapai matlamat lebih bermakna.

Contohnya, memberikan pengecualian cukai untuk aktiviti ekonomi mampan dan memberikan manfaat terus kepada rakyat, selain meningkatkan cukai kepada aktiviti ekonomi tidak produktif seperti pelepasan karbon ke atmosfera dan aktiviti boleh membahayakan kesihatan seperti

“Cukai penting  
untuk mencipta  
permintaan terhadap  
mata wang berkenaan,  
dalam konteks kita,  
ringgit”



merokok dan vape.

Begitulah juga dengan pinjaman. Kenapa kerajaan meminjam? Adakah sebab kerajaan tidak ada duit untuk berbelanja? Tidak. Ini kerana secara teori, sesebuah kerajaan Persekutuan yang mempunyai kedaulatan monetari baik, iaitu boleh menerbitkan mata wang sendiri dan berhutang sebilangan besarnya melalui sumber domestik seperti Malaysia, tidak boleh tidak ada duit, atau jatuh muflis.

#### Konsep pinjaman awam

Tidak seperti seorang individu yang akan mati satu hari nanti atau entiti syarikat perniagaan yang juga mempunyai risiko kerugian dan dilupuskan, kerajaan akan wujud sampai bila-bila. Di sini, konsep pinjaman awam ini pun sama dengan konsep percukaian tadi, iaitu kerajaan berbelanja dahulu supaya adanya penawaran wang dalam ekonomi boleh digunakan entiti bukan kerajaan untuk membeli bon kerajaan diterbitkan dengan tujuan utamanya memastikan kadar bunga dapat disokong dengan lebih stabil dalam ekonomi.

Selain itu, dengan membuat pinjaman, kerajaan juga boleh menawarkan bentuk wang lain selain bentuk wang sudah ada dalam pasaran. Kita harus ingat, jika kita lihat contoh Malaysia, komponen bayaran khidmat hutang dalam perbelanjaan operasi kerajaan, yang dianggarkan berjumlah RM49.8 bilion pada tahun ini itu adalah pendapatan kepada individu, syarikat, ataupun entiti membeli bon kerajaan Malaysia.

Hakikatnya, wang sudah pun menjadi surat mengaku hutang (IOU). Ini berlaku apabila bekas Presiden Amerika Syarikat (AS), Richard Nixon menamatkan kebolehtukaran dolar kepada emas yang mengakibatkan kejatuhan sistem *Bretton Woods* dan munculnya wang fiat, iaitu mata wang tidak bersandarkan apa-apa bentuk komoditi.

Implikasinya, jika tidak ada hutang, maka kitaran dan penciptaan wang akan terhenti dan sistem ekonomi yang ada pada ketika ini akan runtuh. Institusi bank pula akan 'gulung tikar' tanpa hutang.

Oleh itu, matlamat dan objektif dasar fiskal kita sebenarnya bukanlah untuk mencapai belanjawan lebihan atau mengurangkan tahap hutang secara drastik. Ketua Ahli Ekonomi Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia, Aaditya Mattoo, pun baru-baru ada menyatakan walaupun tahap hutang Malaysia semakin meningkat, ia bukanlah pada tahap tinggi.

Jadi, reformasi cukai atau pengenalan kepada bentuk cukai baharu cuba dilaksanakan pada ketika ini perlulah dilihat dalam konteks signifikan instrumen cukai dalam pengurusan ekonomi itu sendiri dalam skop lebih luas, iaitu mengam- bil kira aspek ketelusan, kecekapan dan elemen keadilan kepada masyarakat, bukan hanya untuk mengurangkan paras hutang negara yang pada hemat Bank Dunia masih lagi rendah pada ketika ini.

Tahun 2024 adalah tahun penting untuk pelaksanaan reformasi ekonomi dalam konteks kerangka Ekonomi MADANI. Jelas bahawa antara elemen penting dalam pelaksanaan reformasi struktur ekonomi ini adalah reformasi sistem dan juga pelaksanaan cukai itu sendiri.